

RENCANA

ARTIFAK TIRUAN: SATU PENIPUAN DALAM ARKEOLOGI

(Pengiran Dr. Karim bin Pengiran Haji Osman)

Mukadimah

Baru-baru ini penulis telah menyaksikan satu rancangan Astro saluran National Geographic mengenai penemuan mumia di Pakistan. Mumia ini dipunyai oleh seorang pengumpul dan peniaga barang-barang antik dan ianya dikatakan ditemui di Iran dan diseludup ke Pakistan untuk tujuan dijual. Penemuan ini telah menggemparkan pakar-pakar arkeologi di Pakistan dan jika mumia ini benar, ianya merupakan satu temuan yang amat penting. Berbeza dengan mumia Egypt, mumia Iran amat jarang ditemui dan bagi pengumpul barang-barang antik mahupun muzium, ianya merupakan sesuatu yang amat bernilai. Disebabkan oleh kesalahan akta purbakala, mumia ini telah dirampas oleh pihak pemerintah dan kajian secara terperinci dengan menggunakan pelbagai kaedah saintifik telah dijalankan. Di sinilah bermulanya rahsia penipuan ini terbongkar. Kajian yang dijalankan menunjukkan yang mumia ini baru dan ditiru seolah-olah kelihatan lama. Lebih dahsyat lagi, mumia ini merupakan seorang wanita rakyat tempatan yang dibunuh dalam masa yang terdekat dan kemudiannya dimumiakan. Di akhir cerita, kes ini bukan sahaja melibatkan penipuan antikuiti tetapi lebih hebat lagi ianya melibatkan jenayah yang lebih berat iaitu kes pembunuhan.

Tertarik dengan cerita ini, penulis cuba mencari kisah seumpama ini di dalam laman web bagi mengetahui sejauh mana fenomena ini berluasa. Hasilnya juga amat mengejutkan. *Evening Standard*, sebuah akhbar petang di London, England, bertarikh 24 Mei 2005 menulis "... pasaran British penuh dengan antik curian

atau tiruan".¹ Akhbar yang sama bertarikh 27 Mei 2005 menulis "... peniaga antik tahu yang lebih 90% antik di pasaran London adalah tiruan atau bahan-bahan curian ..." ² Sheila Farr dari *Seattle Times Art Critic* bertarikh Mac 2006 menulis "Antik tiruan adalah tradisi di China ... Hong Kong merupakan pintu masuk antik tiruan ke pasaran Barat, Jepun dan China. Dianggarkan ³/₄ pasaran tembikar antik di Hong Kong adalah tiruan ..." ³

Penulis mencari lagi di bawah tajuk "*Fake in antiquities*". Lebih banyak isu jenayah ini dipaparkan dan kejadian yang juga menarik perhatian penulis berlaku di Isreal pada tahun 2003 iaitu penemuan "*Jesus Box*" dengan tulisan Aramaic pada bahagian luar peti dengan tulisan berbunyi, "*James, son of Joseph (Yusof), brother of Jesus (Isa)*". Temuan yang lain ialah batu tablet yang dikatakan arahan Nabi Yusof mengenai kerja-kerja pembaikan rumah ibadat kaum Yahudi.⁴ Kedua-dua temuan merupakan temuan yang sangat penting dan menggemparkan pakar-pakar arkeologi, khususnya di Isreal. Kedua-dua artifak ini sangat bernilai dan bakal merubah sejarah bertulis negara Yahudi ini. Batu tablet ini sahaja dikatakan bernilai US\$4.5 juta dan dikatakan akan dibeli oleh Muzium Isreal. Namun kajian secara saintifik menunjukkan yang kedua-dua artifak adalah tiruan dan dibuat dalam masa yang terdekat. Susulan pembongkaran ini, lima orang telah ditangkap iaitu pengumpul bahan-bahan antik dari Tel Aviv, pemilik Jesus Box dan pemilik batu tablet, seorang pakar dan pensyarah Universiti Haifa dan bekas ketua makmal antikuiti dari Muzium Isreal. Bagi pakar-pakar arkeologi Isreal, ianya merupakan satu permulaan ke

¹ Inggerisnya berbunyi "... British market full of stolen or fake antiquities ...".

² Inggerisnya berbunyi "... London dealers know that up to 90% of antiquities on the market are fakes or stolen ...".

³ Inggerisnya berbunyi "Fake antiques are a tradition in China... Most of these fakes come from through Hong Kong ... In Hong Kong itself, the best estimates say that three-fourths of the "antique" ceramics for sale are fake...". Lihat <http://www.museum-security.org/03/012.html>

⁴ Lihat <http://www.msnbc.msn.com/id/6770329>

arah pembongkaran sindiket yang lebih banyak. Amaran mereka " ... *we discovered only the tip of the iceberg. This spans the globe. It generated millions of dollars. ... the forgers were trying to change history*"⁵.

Cerita-cerita di atas merupakan sebahagian kecil kes jenayah pemalsuan artifak. Ianya sesuatu yang tidak masuk akal bagi kita yang berfikiran waras, namun ianya adalah suatu realiti yang betul-betul wujud. Kenapa mereka tidak takut menipu, hilang pertimbangan profesionalisma dan lebih dahsyat lagi membunuh nyawa yang tidak berdosa? Jawapan bagi perkara ini ialah mereka hilang pertimbangan dalam mengaut keuntungan yang begitu tinggi. Bagi mereka wang adalah segalanya dan bagi meralisasikan impian mereka ialah dengan melakukan jalan yang mudah iaitu melalui penipuan antikuiti.

Fakes dan Forgeries

Penipuan antikuiti berkait rapat dengan dua perkataan iaitu *fakes* dan *forgeries*.⁶ *Fakes* adalah perkataan Inggeris yang membawa maksud sesuatu yang tidak tulen atau asli. Ianya juga boleh diistilahkan sebagai tiruan atau palsu. *Forgeries* juga perkataan Inggeris yang membawa erti perbuatan meniru untuk tujuan menipu atau sesuatu yang ditiru atau dipalsukan untuk tujuan menipu.

Apa dia penipuan antikuiti? Penipuan antikuiti merupakan satu profesi yang telah lama diamalkan iaitu dengan meniru sesuatu bahan seni yang unik dan bernilai bagi tujuan diperniagakan sebagai bahan tulen dengan harapan untuk mendapatkan keuntungan yang tinggi. Penipuan antikuiti termasuk pelbagai jenis bahan seni, di antaranya lukisan, tembikar, manuskrip, *sculpture*, patong, mumia dan

sebagainya. Selain keuntungan kewangan, *forgeries* terhadap dokumen atau manuskrip juga kadang-kadang dilakukan bagi memperolehi sesuatu yang lain, umpamanya untuk mendapatkan harta waris, tanah, pangkat malah gelaran.

Persoalannya, kenapa perniagaan bahan-bahan tiruan antik masih berterusan sehingga kini? Jawapan mengenai perkara ini banyak, di antaranya ianya mungkin dianggap satu jenayah yang ringan dan tidak sehebat jenayah kriminal yang lain. Ianya juga mudah dan dengan sedikit kemahiran dan kepakaran akan dapat mengaburi mata si pembeli yang kurang arif tentang bahan-bahan antik. Ianya juga mendatangkan keuntungan yang besar yang melibatkan sehingga puluhan juta ringgit. Jadinya penipuan antikuiti akan terus berkembang, seiring dengan permintaan yang begitu tinggi terhadap bahan-bahan antik di kebanyakan negara di dunia ini.

Pada ketika ini, penipuan bahan-bahan antikuiti merupakan satu fenomena yang menghantui banyak pihak pemerintah di dunia ini. Ianya mencabar kewibawaan institusi-institusi yang bertanggungjawab terhadap kawalan bahan-bahan budaya dan antikuiti, khususnya institusi kemuziuman. Pelbagai langkah telah dibuat bagi mengatasi perkara ini, di samping penggunaan pelbagai kaedah alat pengesan ketulenan. Namun langkah-langkah kawalan ini tidak menamatkan penipuan antikuiti, malah penipuan yang lebih canggih juga mula dipraktikkan bagi menandingi kaedah yang diperkenalkan. Penipuan mungkin berkurangan, namun pada masa yang sama, ianya lebih bersifat profesional dan mempunyai rangkaian maklumat yang cekap dan terkawal.

⁵ Susulan amaran ini, pakar arkeologi Isreal telah membongkar satu lagi penipuan iaitu artifak bekas *pomegranate* daripada gading yang dibeli oleh Muzium Isreal pada tahun 1980'an dengan harga US\$550,000. Artifak ini dikatakan digunakan sebagai bekas tempat beribadat yang digunakan di Kuil Suliman (*Solamaon's Temple*) iaitu kuil yang pertama bagi Kaum Yahudi. Lihat <http://www.guardian.co.uk/isreal/Story/0,2763,1394205,00.html>

⁶ *Faking means fraudulently modifying*, manakala *forgery means making falsely with the aim to deceive*. Lihat McIntosh, J, *Eyewitness to Archaeology*, Dorling Kindersley, 1994.

⁷ Umpamanya cubaan mendakwa sebagai keturunan Kesultanan Melaka, keturunan Kesultanan Brunei di Sabah dan Sulu dan sebagainya.

Ancaman penipuan antikuiti di Negara Brunei Darussalam

Brunei Darussalam tidak terlepas daripada jenayah penipuan antikuiti. Walaupun kes jenayah ini tidaklah seteruk berbanding dengan sebahagian negara-negara yang lain, namun jika tidak dibendung, fenomena ini akan menjadi isu yang lebih berat dan berleluasa. Bagi penulis, jenayah antikuiti di Negara Brunei Darussalam lebih menjurus pada dua perkara iaitu *fakes* dan *forgeries* terhadap alat-alat perhiasan dan kebesaran diraja Brunei yang dikatakan masih banyak yang hilang, dan yang kedua *fakes* dan *forgeries* bahan-bahan antikuiti tetapi dihasilkan pada masa sekarang.

Jabatan Muzium-Muzium Brunei pernah mengalami dua jenis penipuan antikuiti di sepanjang penubuhannya lebih 40 tahun yang lalu. Penulis sendiri mengalami beberapa kes penipuan antikuiti dan dua kes yang menarik perhatian penulis ialah yang terjadi pada tahun 1992 yang melibatkan *Kuching Emas* dan kes kedua pada tahun 2003 yang melibatkan Mahkota yang dikatakan telah ditembakkan ke laut di sekitar Pulau Chermin pada akhir kurun ke-17 Masihi. Kedua-dua kes melibatkan penipuan antikuiti terhadap alat peralatan perhiasan dan kebesaran diraja yang dikatakan telah hilang lebih 300 tahun yang lalu. Kedua-duanya dikatakan telah ditemui dan dipohonkan oleh si penjumpa untuk diserahkan balik kepada Kerajaan Brunei.

Kuching Emas

Kuching Emas merupakan salah satu alat kebesaran dan perhiasan diraja Brunei. Ianya diwayatkan hadiah daripada Maharaja China, Yung Lo kepada Sultan Brunei, Sultan Majid Hassan iaitu semasa baginda melawat China

pada tahun 1408 Masihi. Hadiah ini dan berserta dengan hadiah-hadiah yang lain adalah sebagai penghargaan Maharaja China di atas kesudian Baginda dan rombongan melawat China dan mengakui kebesaran dan kedaulatan negara berkenaan. Maharaja Yung Lo sangat berbesar hati di atas kunjungan ini yang biasanya hanya melibatkan perwakilan daripada pembesar-pembesar negara sahaja. Selain baginda dan pembesar-pembesar negara, baginda juga membawa permaisuri, anakanda dan adinda-adinda baginda bersama-sama rombongan ini.³

Pemberian *Kuching Emas* tidaklah dicatatkan secara jelas dalam laporan-laporan bertulis China. Apa yang dicatatkan ialah pemberian pelbagai hadiah setelah selesai majlis menghadap pada tahun 1408 yang dikatakan terdiri daripada bahan-bahan pakaian dan perhiasan. Baginda dan rombongan juga diberikan hadiah pada masa yang lain, di antaranya pelbagai lambang kebesaran diraja, sebuah kerusi, peralatan perak, payung, kiap, kuda dan lapik duduk bertatah emas dan sepuluh pakaian daripada sutera dengan pelbagai bunga dan bersulam emas.⁸ Apabila Baginda mangkat pada bulan kesepuluh tahun 1408 Masihi, anakanda Baginda juga telah dihadiahkan dengan pelbagai hadiah, diantaranya *gridle* dengan beraneka batu permata, seratus auns emas, tiga ribu auns perak, wang kertas, sutera bersulam, kain kasa, cadar dan sebagainya.⁹ Mungkin di antara perhiasan alat kebesaran diraja yang dihadiahkan oleh Maharaja China ini adalah juga termasuk juga *Kuching Emas* dan *Tungkat Ajai* yang sehingga kini menjadi alat perhiasan dan alat kebesaran diraja Brunei.

Jika dilihat secara fizikal, *Kuching Emas* ini mempunyai unsur-unsur pengaruh dari China. Ianya lebih berupa seekor singa iaitu binatang yang dipercayai oleh orang-orang China sebagai

⁸ Inggerisnya berbunyi "... the Emperor gave to the king different insignia, a chair, silver utensils, umbrellas, fans, horses and saddles inlaid with gold, and ten suits of dresses, made of different kinds of silk with flowers and embroidered with gold...". Lihat Groeneveldt, W.P., *Historical Notes on Indonesia and Malaya Compiled from Chinese Sources*, C.V. Bhratara, Jakarta, 1960, ms: 112. Juga lihat Brown, C., "Two Ming Texts Concerning King Ma-Na-Je-Chia-Na of P'o-ni", *Brunei Museum Journal*, 1974: 222-229.

⁹ Inggerisnya berbunyi "... the king was presented with a gridle adorned with precious stones, a hundred ounces of gold, three thousand ounces of silver, paper-money, embroidered silks, gauze, coverlets ...". Ibid, ms: 113. Juga lihat Brown, C., "Two Ming Texts ...", *Brunei Museum Journal*, 1974: 222-229.

lambang keberanian dan kegagahan. Binatang ini sehingga kini dipakai pada ukiran dan juga digayakan dalam tarian. Ianya juga menyerupai sebagai binatang *qilin* iaitu binatang mistik dan suci bagi kepercayaan orang-orang China. Binatang ini selalu digunakan dalam ukiran-ukiran lama China, umpamanya di atas tembikar jenis biru-dan-putih iaitu tembikar zaman Dinasti Ming. Dipercayai dua *Kuching Emas* diberikan kepada Sultan Brunei iaitu sepertimana yang diberikan oleh Maharaja China kepada Sultan Melaka, Sultan Mansur Syah. Penggunaannya mungkin sama iaitu diletakkan di kiri kanan Singgahsana.¹⁰ Walau bagaimanapun, cuma satu *Kuching Emas* yang tinggal pada masa kini, manakala satu lagi dikatakan telah hilang iaitu semasa Perang Saudara di Brunei pada awal tahun 1670-an.

Penemuan *Kuching Emas*

Kehilangan satu lagi *Kuching Emas* menjadi persoalan ramai, apakah benar wujud dua *Kuching Emas* sepertimana *Singa Emas* di Melaka? Kenapa salah satu daripadanya hilang, manakala yang satu lagi masih wujud sehingga kini? Apakah ianya juga ditembakkan ke laut, sepertimana Mahkota yang dikatakan telah ditembakkan ke laut bagi mengelakkannya jatuh ke tangan Sultan Muhyiddin. Atau, apakah alat-alat kebesaran dan perhiasan diraja ini tidak ditembakkan ke laut tapi ianya hanya sebagai helah bagi mengaburi mata pihak musuh. Ianya mungkin disembunyikan dengan harapan ianya akan ditemui kemudian nanti. Atau, mungkinkah alat-alat ini telah diambil oleh tentera-tentera Sulu yang dititahkan oleh Sultan Muhyiddin sebagai membalas jasa mereka membantu mengalahkan Sultan Abdul Mubin?

Bagi setengah pihak, kehilangan beberapa alat perhiasan dan kebesaran diraja merupakan satu peluang untuk mengaut keuntungan. Bagi mereka, penemuan alat-alat ini akan memberi pulangan yang banyak, tambah-tambah lagi jika ianya diserahkan kembali kepada yang berhak empunya iaitu Kerajaan Brunei. Dengan impian inilah maka timbulnya penemuan-penemuan ini, yang didahului oleh penemuan *Kuching Emas* dan disusuli dengan penemuan Mahkota.

Khabar penemuan *Kuching Emas* mula diketahui oleh Jabatan Muzium-Muzium Brunei pada 5 November 1992. Ianya dikhabarkan oleh salah seorang kakitangan jabatan ini melalui beberapa keping gambar *Kuching* berkenaan berserta dengan negatifnya. Ianya dikatakan ditemui di Kampong Pandam, Limbang, Sarawak, oleh salah seorang penduduk kampung. Susulan dengan berita ini, rombongan dari Jabatan Muzium-Muzium Brunei yang diketuai oleh penulis sendiri telah bertolak ke kampung berkenaan pada hari yang sama berserta dengan empat orang juru pandu.¹¹ Setelah menemui beberapa rintangan, pihak Jabatan Muzium-Muzium Brunei dengan bantuan Ketua Kampong Pandam telah berjaya bertemu dengan si penemu *Kuching Emas* dan seterusnya melihat sendiri *Kuching* yang dikatakan kepunyaan Kerajaan Brunei. *Kuching* ini dibungkus dengan kain berwarna kuning dan dari masa kesemasa diperasap dengan kemanyan.

Rombongan Jabatan Muzium-Muzium Brunei telah memohon kepada yang empunya *Kuching* ini supaya ianya dapat dibawa ke Brunei bagi kajian selanjutnya. Namun permintaan ini ditolak memandangkan nilai *Kuching* ini yang akan ditawarkan dengan harga B\$500,000.00 Jika

¹⁰ Di Melaka ianya dinamakan *Singa Emas*. Lihat *Alat Kebesaran Diraja*, Jawatankuasa Khas Pengubahsuaian Bangunan Peringatan Churchill dan Pameran Alat-Alat Kebesaran Diraja dengan kerjasama Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam, 1993, ms: 39.

¹¹ Ahli rombongan dari Muzium Brunei terdiri daripada Awang Haji Mohamad bin Salim (Kurator Sejarah), Awang Abd. Latif bin Haji Abu Bakar (Pegawai Pemuliharaan), Awang Haji Osman bin Salleh (Penolong Penyelidik Zaman Purbakala Kanan), Awang Haji Ismail bin Ibrahim (Pegawai Muzium) dan Awang Haji Abd. Malek bin Haji Duraman (Pelukis Pelan/Pengukur). Rombongan Muzium juga dibantu oleh juru pandu yang tahu tentang Kampong Pandam iaitu Awang Hj. Abd. Rahman bin Hj. Mohammad, Awang Omar Alli bin Bahar, Dayang Hj. Royah binti Hj. Metali dan Dayang Hj. Pasah binti Hj. Mohammad.

ianya dibawa ke Brunei ianya mesti ditemani oleh beliau, Ketua Kampong dan seorang lagi pengiring yang juga saudara terdekat dengan si penemu *Kuching Emas*. Beliau mahu sendiri menyerahkan *Kuching* ini kepada pihak yang berwajib dan kalau boleh ke pihak atasan. Permintaan ini diperkenankan, tapi bukan ke pihak atasan tetapi ke Pengetua Pusat Sejarah iaitu Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri.

Menurut cerita si penemu *Kuching Emas*, *Kuching* ini didapati di kebun beliau setelah mendapat alamat melalui mimpi.¹² Walau bagaimanapun, beliau tidak mengendahkan mimpi ini dan cuma mempercayainya setelah menemui *Kuching* ini kira-kira sebulan selepas itu. Ianya dikatakan tercangkul pada kedalaman di antara dua ke tiga kaki. Beliau percaya *Kuching* berkenaan kepunyaan Kerajaan Brunei yang dikatakan telah hilang. Menurut beliau lagi, *Kuching* ini telah mendapat liputan yang meluas dan menerima tawaran yang lumayan daripada individu yang tertentu. Salah seorang daripadanya ialah seorang jutawan berbangsa Cina dari Sibu yang menawarkan harga RM\$350,000.00. Surat tawaran ini ada dibawa bersama-sama beliau sebagai bukti. Namun beliau menolak permohonan ini dengan alasan yang ianya hak Kerajaan Brunei dan semestinya dikembalikan ke Kerajaan Brunei.

Kajian *Kuching Emas*

Sebelum pembelian dapat dibuat, *Kuching Emas* ini perlu dikaji bagi menentukan keasliannya. Kajian telah dilakukan pada hari Jumaat, 6 November 1992. Cuma sehari diperuntukkan untuk kajian ini dan ianya dibuat di rumah Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri, Pengetua Pusat Sejarah. Kajian dibahagikan kepada tiga aspek iaitu kajian secara pengamatan, secara saintifik dan kajian

terhadap tapak di mana ianya ditemui.

Kajian secara pengamatan adalah berdasarkan penglihatan secara fizikal. Timbangan berat *Kuching* ialah enam kilogram dengan ukuran dari mulut ke ekor 20.8 cm dan 30.3 cm pada bahagian bawah (lapik). Ianya menyerupai seekor harimau bintang dengan hiasan wang syiling China (*kuie*) pada keseluruhan badan membentuk bintik-bintik seakan-akan harimau bintang. Terdapat juga ukiran naga dan burung emas pada badan *Kuching* dan tulisan China berbunyi "Harimau Bintang Emas". Salah satu wang syiling China yang menghiasi *Kuching* ini berbunyi *Cheng Te Tong Pau*. *Cheng Te Tong Pau* adalah seorang Maharaja China zaman Dinasti Ming dan memerintah pada tahun 1506-1521 Masihi. *Kuching* ini berkemungkinan dibuat dengan logam dan kemudiannya dicat dengan warna emas. Bahagian bawah halus, seolah-olah digilap dan berwarna coklat atau kemerahan. Berkemungkinan bahagian ini tidak dicat atau catnya telah hakis. Tiada sebarang kesan cangkulan pada badan *Kuching* walaupun ianya dikatakan tercangkul kuat semasa ianya dijumpai.

Kajian saintifik juga dijalankan dan disebabkan oleh kesuntukan waktu, tiada kajian kimia dilakukan. Kajian adalah cuma berdasarkan sukatan air (*volume air*). Berdasarkan kajian, *Kuching* ini mempunyai spesifik graviti 2.740 cm³. Ini menunjukkan ianya bukan diperbuat daripada emas yang mempunyai spesifik graviti 19.3 cm³. Kajian lain menunjukkan terdapat *green patination* pada bahagian leher *Kuching*. Ini menunjukkan yang ada bahan tembaga digunakan bagi pembuatan *Kuching* ini. Warna emas adalah cuma *coating* yang nipis dan bukannya emas yang sebenar.

Kajian tapak di mana *Kuching* ini dijumpai juga telah dijalankan. Ianya terletak kira-kira satu kilometer dari pos kawalan Kampong Lumapas.

¹² Beliau bermimpi seorang tua berjanggut putih dan berpakaian serba putih telah menjatuhkan sebiji telur di kebun beliau dan mengarahkan beliau untuk menggali di mana telur itu jatuh. Ianya betul-betul jatuh berdekatan *kayu pulie* di tempat mana beliau kemudiannya menemui *Kuching Emas* berkenaan.

Hasil kajian menunjukkan tiada sebarang bekas penggalian di kebun berkenaan, hatta di tempat di mana *Kuching* berkenaan dikatakan telah ditemui. Keadaan tanah masih utuh, manakala tumbuh-tumbuhan liar juga hidup dengan subur. Menurut si penjumpa *Kuching Emas*, beliau menjumpai *Kuching* berkenaan pada 14 Oktober 1992 iaitu sebulan setelah mendapat alamat melalui mimpi.

Hasil Kajian

Kajian arkeologi yang dijalankan adalah cuma *formality* kerana tanpa kajian pun pihak kami telah mengetahui yang *Kuching Emas* ini bukannya pasangan *Kuching Emas* yang hilang. Ianya juga bukan emas tulen tapi hanyalah lapisan cat berwarna keemasan.

Hasil daripada kajian pengamatan dan saintifik menunjukkan yang *Kuching* ini bukanlah pasangan *Kuching Emas* alat perhiasan dan kebesaran diraja yang ada pada masa ini. *Kuching* ini jauh berbeza dengan *Kuching Emas* yang ada pada masa sekarang, baik dari bentuk fizikal mahupun bahan buatan. Kalaupun benar ianya *Kuching Emas* yang hilang, maka sudah tentunya ianya sama dengan *Kuching Emas* yang ada pada masa sekarang. Bahan buatan juga setentunya sama dan bukannya bersadurkan cat emas. Ianya tidak sepadan dan perbezaannya adalah umpama langit dan bumi. *Kuching* yang ditemui lebih layak sebagai alat perhiasan harian atau alat kegunaan harian.¹³ Kajian tapak arkeologi juga menunjukkan yang *Kuching Emas* ini bukannya dijumpai di tapak yang didakwa dan ianya cuma tipu helah bagi menguatkan alasan beliau.

Kesimpulan lain yang dapat dibuat

ialah si penemu *Kuching* ini cuba mengambil kesempatan daripada cerita tentang kehilangan pasangan *Kuching Emas* yang ada sekarang. Walau bagaimanapun, beliau cuma mengetahui sebahagian kecil tentang cerita yang sebenar. Beliau ternyata tidak mengetahui bahawa *Kuching Emas* alat perhiasan dan kebesaran diraja Brunei adalah berpasangan. Kalau tidak masakan beliau tega menghadapkannya tanpa rasa takut dan was-was. Dengan pengetahuan yang amat sedikit inilah beliau mahu menipu dengan harapan tidak diketahui oleh orang ramai. Segala cerita yang dibuat juga hanya direka-reka dan ini termasuklah surat daripada jutawan Sibul yang mahu membeli *Kuching* ini dengan harga RM\$350,000.00. Daripada surat tawaran ini dan rintangan-rintangan yang lain, penulis percaya sindiket *Kuching* ini bukan melibatkan seorang sahaja tetapi juga melibatkan beberapa orang yang lain. Sindiket ini tahu yang *Kuching* ini tiada nilai di pasaran dan kalau tidak, masakan mereka tidak menjualnya di pasaran emas, kerana dengan berat yang ada, ianya dianggarkan mencecah sehingga B\$3 juta.¹⁴ Oleh sebab tiada nilailah mereka hanya menawarkan B\$500,000.00 iaitu satu harga yang amat tinggi bagi bahan yang tiada nilai sejarah, artistik dan seni.

Sindiket *Kuching Emas* yang dipaparkan di rencana ini bukanlah jenayah berunsurkan *fakes* dan *forgeries* tetapi lebih menjurus jenayah penipuan. *Kuching Emas* yang dimaksudkan tidaklah ditiru atau di *depuplicate* tetapi cuma menggunakan benda yang lain bagi maksud mengelirukan dan dengan harapan ianya tidak diketahui. Ini juga dikira salah dan salah satu jenayah penipuan antikuiti.

¹³ Menurut Takatoshi Misugi, seorang pakar tembikar China dari Jepun yang kebetulan berada di Jabatan Muzium-Muzium Brunei semasa *Kuching Emas* ini ditemui mengatakan yang *Kuching* ini tiada nilai dan ianya selalunya digunakan sebagai alat penyembahan bagi penganut Buddha. Penulis sendiri pernah melihat objek yang hampir sama tapi dalam bentuk katak di sebuah kedai berbangsa Cina. Ianya digunakan sebagai alat penyembahan.

¹⁴ Awang Haji Osman bin Salleh, temu bual, Mac 2006. Beliau ialah Pegawai Penyelidik Zaman Purbakala Kanan dan terlibat dalam kajian *Kuching Emas*.

Mahkota

Mahkota adalah sinonim dengan kesultanan. Ianya melambangkan kerajaan, kedaulatan dan kekuasaan pemerintah. Berbeza dengan *Kuching Emas*, Mahkota alat kebesaran Diraja Brunei dikatakan berasal dari Johor iaitu Kerajaan Singapura tua, iaitu waris utama Kerajaan Seriwijaya yang berpindah dari Palembang dengan membawa bersama-sama mahkota Kerajaan Seriwijaya.¹⁵ Sejarah tradisi lisan Brunei meriwayatkan apabila Sultan Brunei yang pertama, Sultan Muhammad Syah berkahwin dengan Puteri Johor, di antara anugerah yang diberikan ialah Mahkota. Semasa zaman pemerintahan Sultan Sharif Ali (1425-1432 Masihi), Mahkota ini dikatakan telah diubah suai dengan berbentuk serban tiga ringkas serta beralap-alap luncit.¹⁶ Mahkota ini terus menjadi lambang kebesaran kesultanan Brunei sehingga perang saudara di antara Sultan Abdul Hakkul Mubin (1661-1673 Masihi) dan Sultan Muhyiddin (1673-1690 Masihi) pada awal tahun 1670-an apabila Mahkota ini berserta dengan beberapa alat perhiasan dan kebesaran Diraja Brunei telah hilang di laut sekitar Pulau Chermin. Mahkota ini diriwayatkan telah ditembakkan ke laut dengan menggunakan meriam. Tujuannya ialah supaya alat-alat kebesaran ini tidak jatuh ke tangan Sultan Muhyiddin.

Mahkota Brunei yang ada sekarang telah dibuat atas titah Almahrum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berdasarkan bentuk Mahkota asal warisan Seriwijaya dan Sultan Sharif Ali dengan pengubahsuaian oleh Almahrum sendiri. Mahkota ini mula digunakan buat pertama kalinya semasa Istiadat Perpuspaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Ogos 1968.

Penemuan Mahkota

Sama seperti kehilangan *Kuching Emas*, kehilangan Mahkota Brunei juga menarik untuk kita renungkan. Banyak persoalan yang timbul tentang kehilangan Mahkota ini. Apakah benar ianya telah ditembakkan ke laut? Kalau benar, sudah tentulah meriam yang menembakkannya berukuran sangat besar. Apakah wujud meriam yang berukuran sebesar ini? Kalau juga benar, apakah Mahkota ini tidak hancur disebabkan oleh kekuatan daripada tembakan ini? Atau, mungkinkah juga Mahkota ini tidak ditembakkan tetapi ianya sebagai tipu muslihat bagi mengelakkannya diambil oleh pihak musuh? Ianya mungkin ditanam atau disembunyikan di tempat lain dengan harapan ianya akan ditemui kemudian kelak.

Sama juga seperti *Kuching Emas*, kehilangan Mahkota ini bagi setengah orang merupakan satu sumber bagi mendapatkan nama, pangkat dan gelaran dan yang lebih penting pulangan dari segi harta benda dan wang ringgit. Mendapatkan Mahkota ini merupakan satu kejayaan yang luar biasa dan dianggap satu perkara yang amat mustahil akan berlaku. Jika ini terjadi, sudah tentulah ianya mendapat penghargaan yang amat besar dan mungkin merupakan satu jasa buat negara. Menyedari hakikat inilah maka Mahkota ini muncul secara tiba-tiba dengan diiringi oleh orang-orang yang mendakwa menemuinya. Sama seperti *Kuching Emas*, mereka mahu menghadapkannya ke pihak atasan. Mereka mendakwa Mahkota ini hak Kerajaan Brunei dan sudah barang tentulah ianya wajib dikembalikan kepada kerajaan.

Cerita penemuan Mahkota

Mahkota yang hilang telah dibawa oleh beberapa orang yang mendakwa menemuinya ke

¹⁵ Alat Kebesaran Diraja, Jawatankuasa Khas Pengubahsuaian Bangunan Peringatan Churchill dan Pameran Alat-Alat Kebesaran Diraja dengan kerjasama Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam, 1993, ms: 34.

¹⁶ *Ibid*: 35.

¹⁷ *Ibid*: 35.

Jabatan Pusat Sejarah Brunei pada 19 April 2003.¹⁸ Bahagian Arkeologi dan Pemuliharaan, Jabatan Muzium-Muzium Brunei telah dipanggil untuk sama-sama meneliti *Mahkota* ini sebelum langkah-langkah seterusnya dapat dilaksanakan. Inspirasi awal penulis bila melihat *Mahkota* ini ialah ianya bukan Mahkota yang hilang. Buatannya sangat kasar dan ianya dibuat sama dengan Mahkota yang ada pada masa sekarang.

Cerita penemuan *Mahkota* ini lebih hebat dengan cerita penemuan *Kuching Emas*. Menurut cerita, sebelum *Mahkota* ini muncul, ianya memerlukan ritual-ritual yang khusus dan sangat mencabar. Perkara pertama yang dilakukan ialah dengan mengambil sebotol kecil air dari kawasan Pulau Chermin dan kemudiannya diterbangkan ke Indonesia bagi proses pemujaan. Air ini kemudiannya dijampi selama tiga hari tiga malam oleh *Kiyai* yang bertanggungjawab menemukan *Mahkota* ini. Proses ini dikatakan sangat rumit dan banyak halangan yang perlu dihadapi kerana menurut mereka *Mahkota* ini dijaga oleh beberapa makhluk jin. Namun mereka akhirnya berjaya merebut *Mahkota* ini melalui pertolongan kuasa ghaib iaitu *Ratu Kidol*.¹⁹

Setelah menjelma di Indonesia, *Mahkota* ini dibersihkan daripada lumut dan lumpur. Menurut Pak *Kiyai*, *Mahkota* ini tidak ditumbuhi oleh sebarang hidupan laut, seperti kerang dan takat. Mahkota ini kemudiannya ditempatkan di tempat yang khas dan tidak boleh dibiarkan bersendirian kerana ianya dikatakan pandai terbang. Ianya juga tidak boleh dipegang oleh orang sebarang kerana ianya mengeluarkan arus letrik. Ianya juga tidak boleh dipakai ke

kepala orang sebarang dan boleh mendatangkan kemudarataan. Menyerdari kesulitan-kesulitan inilah maka *Mahkota* ini perlu dikembalikan kepada yang berhak menyimpannya iaitu Kerajaan Brunei. Cuma setelah inilah sahaja *Mahkota* ini akan aman dan tidak akan mendatangkan sebarang kesulitan.

Mahkota ini tidak ditetapkan berapa jumlah harganya. Apa yang mereka mahukan hanyalah menyerahkannya secara langsung ke pihak atasan. Soal harga bagi mereka soal kedua. Apa yang penting bagi mereka ialah menyerahkannya kepada yang berhak. Walau bagaimanapun, permintaan ini ditolak dan Mahkota ini perlu dibuat kajian sebelum langkah seterusnya dapat dilaksanakan.

Kajian *Mahkota*

Dua kaedah kajian dijalankan iaitu pengamatan atau penglihatan secara fizikal dan kajian secara saintifik. Tiga bahagian di Jabatan Muzium-Muzium Brunei terlibat dalam kajian ini iaitu Bahagian Arkeologi, Bahagian Pemuliharaan dan dua orang Guru Tukang Perak dari Pusat Latihan dan Pertukangan Tangan Brunei.²⁰

Secara fizikal, *Mahkota* ini sama dengan *Mahkota* yang ada sekarang ini. Berat *Mahkota* ialah seberat 1.32 kilogram. Walaupun 99% sama, namun dari segi buatan *Mahkota* ini sangat berbeza. Ianya agak kasar dan kurang sempurna. Ianya seakan-akan diperbuat daripada kepingan besi berwarna kemerah-merahan. Kajian pada bahagian sudut-sudut yang sukar, seperti di bawah *Payong Tiga Ringkat* menunjukkan warna

¹⁸ Seramai lima orang menghadapkannya iaitu dua rakyat tempatan dan tiga orang rakyat Indonesia yang mana seorang daripadanya telah tiga tahun bekerja di Brunei. Dua rakyat Indonesia ini mendakwa mereka *Kiyai* dan handal dalam ilmu kebatinan. Salah seorang rakyat Brunei ini berkhidmat di Jabatan Kerajaan, manakala seorang lagi di syarikat swasta. Sebelum mereka, penulis juga pernah didatangi oleh tiga orang rakyat tempatan yang menceritakan tentang penemuan *Mahkota* ini di Indonesia dan bersedia untuk membawanya ke Brunei.

¹⁹ Di Indonesia, *Ratu Kidol* dipercayai sebagai penjaga laut. Ratu ini dikatakan makhluk yang baik dan banyak menolong orang-orang yang menyeru namanya melalui ritual-ritual tertentu.

²⁰ Mereka ialah penulis sendiri, Dayang Hajah Kolam binti Haji Gafar, Awang Haji Abd. Razak bin Haji Ibrahim, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Jaluddin, Awang Haji Osman bin Salleh, Awang Haji Abd Malek bin Haji Duraman dan Awang Zaini bin Haji Safar.

keputihan. Ini menandakan bahagian ini tidak terkena cat dan memperlihatkan warna asal logam ini. Buatan dipercayai menggunakan kaedah ketukan dan pada bahagian-bahagian tertentu ianya disambung seolah-olah menggunakan patri atau *soldering*. Sama seperti Mahkota sekarang, terdapat empat jenis batu permata menghiasi Mahkota ini iaitu berwarna kemerah-merahan, biru kehitaman, permata putih dan mutiara bagi menghiasi Tara. Mahkota masih kelihatan elok dan tiada sebarang kerosakan walaupun ianya diriwayatkan telah ditembakkan ke laut dengan menggunakan meriam.

Kajian saintifik juga telah dijalankan bagi mengimbangi kajian secara penglihatan. Dua kaedah kajian dijalankan iaitu secara mekanikal dan kamikal. Kajian mekanikal menunjukkan yang Mahkota ini bukanlah diperbuat daripada emas tulen. Goresan menggunakan kikir di beberapa permukaan dalam Mahkota menunjukkan ianya diperbuat daripada logam berwarna putih, berkemungkinan perak. Kajian menggunakan *hydrochloric acid* di beberapa permukaan dalam Mahkota menunjukkan warna keemasan hilang setelah digosok menggunakan kapas. Kuningan emas melekat pada kapas, manakala permukaan Mahkota menjadi keputihan. Ini menunjukkan emas berkenaan tidak tulen, berkemungkinan dicat menggunakan warna emas. Warna kemerahan pada emas mungkin sejenis *chemical*, berkemungkinan *ubar*. Ianya dibubuh pada Mahkota setelah ianya dicat, bertujuan untuk memberi keusangan pada Mahkota. Warna kemerahan ini juga tertanggal apabila digosok menggunakan *hydrochloric acid*.

Hasil Kajian

Hasil daripada kedua-dua kajian pengamatan dan saintifik yang dijalankan menunjukkan yang Mahkota ini bukanlah

Mahkota yang dikatakan hilang di sekitar laut Pulau Chermin. Secara logik, adalah tidak masuk akal yang Mahkota ini hampir 99% sama dengan Mahkota yang ada sekarang. Jika Mahkota ini benar sudah setentunya ianya mempunyai banyak perbezaan, kerana Mahkota yang ada sekarang terdapat banyak perubahan hasil buah fikiran Almahrum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan juga Allahyarham Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Abd. Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha.²¹

Selain daripada itu, jika benar Mahkota ini adalah Mahkota yang ditembakkan ke laut lebih 300 tahun yang lalu, adalah menghairankan kerana ianya tidak mengalami sebarang kerosakan. Secara logik, adalah tidak masuk akal ianya boleh dimasukkan ke dalam mulut meriam. Jikapun boleh, sudah tentu ianya mengalami kerosakan yang teruk atau mungkin hancur. Jika dilihat kelamaannya terbenam di dasar laut, adalah tidak masuk akal Mahkota ini tidak ditumbuhi oleh hidupan laut, hatta kesan daripada tindakan agen-agen laut seperti geselan (*abrasion*), hakisan (*erosion*) dan tekanan (*pressure*).

Dari sudut buatan, ianya tidak sepadan dengan alat perhiasan dan kebesaran diraja. Buatannya sangat kasar dan tidak menggambarkan ianya dibuat oleh tukang-tukang Brunei yang terkenal mempunyai kemahiran dan kehalusan seni kraf tangannya sejak zaman berzaman. Buatannya juga menggunakan kaedah moden iaitu alat patri dan *soldering*. Tukang-tukang emas Brunei zaman dahulu menggunakan kaedah *ribit* dalam mencantumkan emas dan alat patri dan *soldering* adalah sesuatu yang baru dalam perusahaan kraf tangan tempatan.²²

Jika dilihat melalui kajian saintifik, ianya

²¹ Berdasarkan cerita Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri, Pengetua Pusat Sejarah. Menurut Yang Berhormat Pehin, ciptaan Allahyarham Pehin ialah Tara Mahkota.

²² Temua-bual dengan Awaing Haji Suhaili bin Haji Untak pada bulan April 2003. Beliau merupakan seorang Guru Tukang Tembaga di Pusat Latihan dan Pertukangan Tangan Brunei.

juga menolak yang *Mahkota* ini adalah Mahkota yang telah hilang. Kajian secara meknikal menunjukkan *Mahkota* ini diperbuat daripada logam berwarna putih dan kemudiannya disemur dengan cat berwarna keemasan. Kajian menggunakan *chemical* juga menunjukkan penggunaan cat dalam menghasilkan warna emas dan penggunaan bahan chemical yang lain dalam menghasilkan warna kemerahan pada "emas".

Selain kajian secara pengamatan dan saintifik, pertimbangan juga berdasarkan fikiran yang waras dan melalui fakta-fakta yang nyata (*factual evidences*). Dalam Islam, alam ghaib merupakan sesuatu yang wujud dan tidak dapat dinafikan kebenarannya. Walau bagaimanapun, dalam kajian ilmiah, sesuatu yang melampaui batas adalah dianggap terkeluar daripada kenyataan dan tidak boleh diterima oleh akal. Bagi penulis, cerita tentang penemuan *Mahkota* iaitu dari proses pemujaan air, sehingga penjelmaannya di Indonesia dan kemudiannya cerita-cerita aneh mengenainya adalah cuma direka-reka sahaja bagi mengaburi pemikiran kita yang percaya tentang kewujudan alam ghaib. Ianya direka seolah-olah kita menonton sebuah filem Indonesia atau Hindi yang penuh aksi mistik dan sakti.

Satu perkara lagi yang menarik perhatian penulis ialah cara penampilan mereka dalam mempengaruhi kita mempercayai perancangan yang dirancang. Dua orang *kiyai* yang hadir cukup menakutkan kita bahawa mereka bukannya calang-calang orang tetapi seseorang yang alim dan warak. Kehadiran pengiring-pengiring tempatan yang salah seorang daripadanya pegawai kerajaan cuba untuk mempengaruhi kita tentang apa yang dikhabarkan adalah benar belaka. Penulis juga menyedari penggunaan pesanan ringkas (SMS) melalui telefon bimbit untuk membantu seseorang dalam menjawab sesuatu soalan yang tidak diketahui. Dalam hal ini, penulis meyedari seorang daripada rakyat tempatan yang hadir semasa perjumpaan ini bertindak sebagai pemberi maklumat, manakala yang seorang lagi memainkan peranan penting sebagai jurucakap.

Bebeza dengan sindiket *Kuching Emas*, sindiket *Mahkota* lebih teratur, baik dari sudut organisasi mahupun kajian. Sindiket ini melibatkan beberapa orang tempatan dan luar negeri. Kecuali sindiket luar negeri, sindiket dalam negeri terdiri daripada dua kumpulan (lihat nota kaki 18). Kedua-dua kumpulan cuba mengambil kesempatan daripada penemuan *Mahkota* ini dan cuba mengatasi di antara satu dengan yang lain untuk menghadapkan *Mahkota* ini ke pihak kerajaan. Dari sudut kewangan, sindiket ini juga melibatkan jumlah wang yang banyak iaitu dari tiket penerbangan ke penginapan dan seterusnya kos untuk menempah *Mahkota*. Dari sudut kajian dan penyelidikan, mereka juga berpengetahuan asas tentang kehilangan Mahkota Brunei. Namun, mereka tidak mengetahui yang *Mahkota* yang ada sekarang juga telah diubah suai. Jika mereka tahu, pasti *Mahkota* yang dihadapkan mungkin terdapat banyak perubahan dan bukannya hanya 1% sahaja.

Sindiket *Mahkota* yang dipaparkan direncana ini bolehlah dikategorikan sebagai jenayah *fakes* dan *forgeries*. *Mahkota* yang dikatakan telah dijumpai ditiru atau di *depuplicate* sama seperti Mahkota yang ada sekarang. Jenayah ini adalah satu penipuan antikuiti yang lumrah pada masa kini dan banyak menghantui institusi kemuziuman sekarang ini.

Penutup

Kes *Kuching Emas* dan *Mahkota* yang dipaparkan di atas adalah dua contoh yang jelas bahawa Negara Brunei Darussalam juga tidak terlepas daripada penipuan antikuiti. Penulis percaya kedua-dua kes bukanlah kes yang pertama dan terakhir tetapi akan lebih banyak lagi kes penipuan antikuiti di masa yang akan datang. Adalah tidak mustahil jika ada di kemudian hari nanti orang-orang tampil mendakwa menemukan alat-alat perhiasan dan kebesaran diraja yang dikatakan hilang, seperti contohnya *Usongan Emas*, *Tungkat Ajai*, *Panding Emas Empat Setali*, *Selisilah Emas* dan sebagainya. Jika ada, adalah juga tidak mustahil cara pengolahan mereka

juga akan berubah dan mereka akan lebih teliti dan profesional dan tidak lagi dibuat secara perangkap samar seperti mana dua kes yang telah dibincangkan di rencana ini tadi.

Persoalannya, apakah kita sudah bersedia tentang kemungkinan-kemungkinan ini? Sebagai salah sebuah institusi kemuziuman yang ulung di rantau ini, Jabatan Muzium-Muzium Brunei tidak memandang sepi isu penipuan antikuiti dan akan sentiasa berusaha gigih untuk membendung gejala ini. Seperti institusi muzium yang lain, jabatan ini memandang isu ini satu jenayah yang berat yang bukan sahaja merugikan pihak kerajaan dari segi kewangan tetapi juga bakal merubah sejarah bertulis negara. Sebagai satu-satunya institusi kerajaan yang bertanggungjawab terhadap kawalan warisan budaya dan sejarah negara, pihak jabatan tidak rela ianya diperolok dan ditipu dengan sewenangnyanya. Tindakan tegas akan diambil, sambil bersiap sedia untuk menghadapi segala kemungkinan yang bakal mendatang.

Dalam isu menangani penipuan antikuiti, Jabatan Muzium-Muzium Brunei telah diperuntukkan dengan satu akta yang dikenali sebagai akta Barang-Barang Purbakala dan Harta Terpendam, 1967, semakan 1984, 1991 dan 2002. Di bawah Akta ini telah diperuntukkan penubuhan satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Lembaga Muzium.²³ Ianya dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Pengarah Jabatan Muzium-Muzium Brunei selaku Setiausaha. Lembaga ini dianggotai oleh tujuh orang ahli yang dilantik oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.²⁴ Lembaga ini juga dibantu oleh

Urusetia Lembaga Muzium yang berperanan membantu kerja-kerja tenikal dan penyelidikan.²⁵ Di antara lain lembaga ini berperanan dalam memantau pembelian bahan-bahan arkeologi dan bahan-bahan bersejarah bagi menentukan keasliannya, kepentingannya terhadap warisan bangsa dan negara dan sebagainya. Lembaga ini berhak menolak sebarang tawaran jika ianya diragui keasliannya, tidak berkepentingan dan sebagainya.

Bagi menangani isu penipuan antikuiti, Akta Barang-Barang Purbakala dan Harta Terpendam memperuntukkan denda yang berat berupa penjara atau denda atau kedua-duanya sekali. Dalam bab 37 kurungan 10 di antara lain menyatakan "*Sesiapa orang pun yang dengan sengaja memperdayakan atau cuba memperdayakan sebarang Pegawai Kerajaan yang bertindak menjalankan tugasnya dengan menyatakan sebarang bentuk rupa, atau memberikan kenyataan atau pertunjuk yang lain tentang betul atau sebaliknya atau umur sebarang barang purbakala atau benda bersejarah boleh dikenakan penjara selama satu tahun atau sesuatu dendaan sebanyak empat ribu ringgit atau kedua-duanya sekali*".²⁶

Dua kes yang dipaparkan di rencana ini tidak berlarutan sehingga ke mahkamah. Ianya telah dapat diselesaikan dengan baik yang tidak merugikan kedua-dua belah pihak. Namun amaran yang keras telah diberikan kepada yang terlibat dan tindakan yang tegas akan diambil jika perkara seumpama ini dibuat dikemudian hari. Toleransi Jabatan, walaubagaimanapun, bukan bermakna yang Jabatan Muzium-Muzium Brunei berlembut terhadap penipuan antikuiti. Penanganan dua kes di atas adalah yang terakhir

²³ Dulu dikenali sebagai Jawatankuasa Muzium. Mula ditukar pada 22 Disember 2005 atas titah perkenaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

²⁴ Ahli Lembaga Muzium sesi ke-7 (2004-2207) dianggotai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya, Persuruhjaya Tanah, Persuruhjaya Perancang Bandar dan Desa, Pengetua Pusat Sejarah, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Sharifuddin bin Pengiran Metali dan Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Matussin bin Omar.

²⁵ Ahli Lembaga Urusetia Muzium sesi ke-7 (2004-2207) dianggotai oleh 12 orang ahli yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan di Bahagian Arkeologi, Pemuliharaan, Ethnografi dan Koleksi.

²⁶ Lihat Akta Barang-Barang Purbakala dan Harta Terpendam, 1967, semakan 1991. Inggerisnya berbunyi "*Any person who willfully deceives or attempts to deceive any public officer acting in the course of his duty by any description, statement or other indication as to the genuineness or age of any antiquity or object of archaeological and historical interest shall be liable to imprisonment for one year and to a fine of \$4,000*".

dan tindakan yang lebih tegas akan dilakukan pada masa-masa yang akan datang. Langkah tegas ini adalah perlu sebagai peringatan kepada mereka yang berniat untuk melakukan penipuan antikuiti bahawa Jabatan Muzium-Muzium Brunei bukanlah satu tempat yang mudah untuk melakukan penipuan dan mengaut keuntungan yang tinggi.

Bagi menangani isu penipuan antikuiti, Jabatan Muzium-Muzium Brunei juga perlu kerjasama dengan pihak-pihak yang lain, baik jabatan-jabatan kerajaan atau orang-orang perseorangan. Dalam dua kes yang dipaparkan di atas, jabatan Muzium-Muzium Brunei berterima kasih pada Jabatan Pusat Sejarah Brunei kerana kerjasama jabatan berkenaan dalam sama-sama menangani isu yang diketengahkan. Tanpa kerjasama ini adalah mustahil bagi pengelibatan Jabatan Muzium-Muzium Brunei dalam menangani isu yang dibincangkan. Kerjasama seumpama ini amat diperlukan dan diteruskan di masa-masa yang akan datang. Insya-Allah, dengan kerjasama ini nanti kita akan dapat sama-sama membantas jenayah penipuan artifak.

Rujukan:

Akta Barang-Barang Purbakala dan Harta Terpendam, 1967, semakan 1984, 1991, 2002, Brunei Muzium.

Brown, C., "Two Ming Texts Concerning King Ma-Na-Je-Chia-Na of P'o-ni", dlm *Brunei Museum Journal*, 1974.

Groeneveldt, W.P., *Historical Notes on Indonesia and Malaya Compiled from Chinese Sources*, C.V. Bhratara, Jakarta, 1960.

Alat Kebesaran Diraja, Jawatankuasa Khas Pengubahsuaian Bangunan Peringatan Churchill dan Pameran Alat-Alat Kebesaran Diraja dengan kerjasama Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam, 1993.

McIntosh, J, *Eyewitness to Archaeology*, Dorling Kindersley, 1994.

Website:

<http://www.msnbc.msn.com/id/6770329>

<http://www.museum-security.org/03/012.html>

<http://www.msnbc.msn.com/id/6770329>

<http://www.guardian.co.uk/isreal/Story/0,2763,1394205,00.html>

File Penyelidikan Bahagian Arkeologi:

JMB/KP/7.4/94

JMB/KP/2.17/1991

Temu bual:

Awang Haji Osman bin Salleh, Mac 2006.

Awang Haji Suhaili bin Haji Untak, April 2003.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri, April 2003.

Takatoshi Misugi, November 1992.



Kuching Emas alat perhiasan dan kebesaran diraja yang ada pada masa sekarang



Kuching Emas yang dikatakan dijumpai di Kampong Pandam, Limbang, Sarawak



Mahkota alat kebesaran diraja yang ada pada masa sekarang



Pandangan sudut depan



Pandangan sudut tepi



Pandangan bahagian dalam

Mahkota yang dikatakan telah menjelma di Indonesia setelah melalui proses pemujaan